

Mahathir bongkar kisah siswa hasut penduduk kampung

U.M. - 3 DIS 197

ALOR SETAR 2 Dis.
A — Menteri Pelajaran,
Dr. Mahathir Mohamad telah membongkar percubaan sebilangan mahasiswa untuk menghasut penduduk-penduduk kampung dalam usaha mereka memusnahkan masyarakat luarbandar.

Beliau mengingatkan penduduk-penduduk kampung supaya berwaspada terhadap tindak-tanduk mahasiswa-mahasiswa itu

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap di Sekolah Kebangsaan Malau, Jitra semalam.

Beliau memberitahu bahawa mahasiswa-mahasiswa itu kebanyakannya berasal dari kampung telah dilatih oleh golongan tertentu semasa berada di universiti untuk memusnahkan masyarakat kampung.

"Mahasiswa-mahasiswa universiti kita sekarang dilatih bukan saja untuk menentang kerajaan, tetapi juga ibubapa mereka sendiri mereka akan cela.

"Mereka seolah-olah ada kaitan dengan anasir-anasir komunis di hutan," katanya.

Menurut Dr. Mahathir percubaan mahasiswa itu dilakukan mereka di kawasan pilihanrayanya di Kubang Pasu beberapa hari lalu, tetapi gagal.

Mereka akan menganjurkan tunjuk-tunjuk perasaan kononnya bagi pihak orang-orang yang menderita di kampung-kampung seluruh negara, tambahnya.